



# *The* **Epitome** */I'pitəmi/*

Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah

*We are back!  
Welcoming the epitome of artistic ideas &  
astonishing writers!*

2023  
Volume 1  
Issue 2

## **COPYRIGHT PAGE**

Copyright© 2023 by Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions, and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

eISSN 3009 – 0075

Published by:

UiTM Cawangan Kedah,

Pn. Razanawati Nordin, Chief Editor,

UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani, 08400 Merbok, Kedah

Email address: [razanawati@uitm.edu.my](mailto:razanawati@uitm.edu.my)

Contact No: 044562421

Copy Editor: Ms. NurFarisya Binti Hafiz

Graphic Designer: Mr. Mohd Hamidi Adha Mohd Amin



# APB KEDAH: THE EPITOME EDITORIAL BOARD

Advisor



Mr. Azlan Abdul Rahman

Chief  
Editors



Dr. Nur Syazwanie  
Mansor



Puan Razanawati  
Nordin

Managing Editors  
& Promotion



Puan Sharifah Syakila  
Syed Shaharuddin

Editor &  
Content Reviewers



Puan Hajjah  
Sharina Saad



Puan Phaveena  
Primsuwan



Puan Samsiah  
Bidin



Dr. Berlian  
Nur Morat



Puan Syazliyat  
Ibrahim



Ustaz Mohd  
Zulkhairi Abd  
Hamid



Puan Noor 'Izzati  
Ahmad Shafiai



Cik Lee Chai Chuen



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin

Secretaries



Puan Nor Asni  
Syahriza Abu  
Hassan



Puan Mas Aida  
Abd Rahim



Puan Rafidah  
Amat



Puan Khairul Wanis  
Ahmad

Technical  
& Website



Mr. Mohd Hamidi  
Adha Mohd Amin

Graphic  
Designer



Cik NurFarisya Hafiz

Copy  
Editor

## **SYNOPSIS**

The Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah is thrilled to announce the release of the second edition of its e-magazine, The Epitome. This publication exemplifies our steady dedication to fostering creativity in language and literature.

The primary objective of THE EPITOME is to offer a platform where writers, educators, scholars, poets, and researchers can come together to exchange their ideas, discoveries, expertise, and narratives. Our special focus revolves around an array of creative writing genres, encompassing Playwriting, Short stories, Songs, Speeches, Memoirs, Literary Journalism, Humour writing, Lyric essays, Innovative essays, and Personal essays, with a goal to embrace diverse linguistic expressions, with content available in four languages: English, Bahasa Melayu, Mandarin, and Arabic.

# table of contents

<b>我的快乐时代</b>	21
By: Lee Seng Hua Department of Wood Industry, Faculty of Applied Sciences , UiTM Pahang Branch Jengka Campus	
<b>Imbauan Semalam</b>	22
By:Melina Mahpuz Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam	
<b>Lamunanku Terhenti</b>	25
By: Dr. Mohd Izani Othman Fakulti Farmasi, UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam	
<b>When Something Ends</b>	27
By: Muna Liyana Mohamad Tarmizi Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam, Selangor	
<b>My DRP Journey</b>	28
By: Nurul Nadiah Dewi Faizul Ganapathy Academy of Language Studies	
<b>Customer Services 101</b>	30
By: Razanawati Nordin Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sg. Petani	
<b>Observation</b>	32
By: Ruzana Omar UiTM Kuala Terengganu	
<b>Reconnecting Millennials with Society</b>	34
By: Dr Sheikh Ali Azzran Sh Said School of Construction and Quantity Surveying, College of Built Environment, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam	
<b>A Never-Ending Vacation</b>	36
By: Sharifah Syakila Syed Shahrudin & Sharifah Sharmaine Syed Shahrudin	
<b>Hurtful Authenticity or Flattering Lies</b>	38
By: Nor Asni Syahriza Abu Hassan Academy of Language Studies, UiTM Kedah Branch	
<b>A Mother's Anguish</b>	40
By: Sharina Saad Academy of Language Studies, UiTM Kedah Branch	



*Every day is learning curves...*

Dear Readers,

We are back! We are thrilled to present a collection of articles that we believe capture the essence of the writers. Our team has worked diligently to curate content that we hope will both engage and resonate with you.

In these pages, you will find a diverse range of perspectives on life, from joy to sorrow. We hope these pieces inspire reflection and spark meaningful conversations.

We want to express our deepest gratitude to our talented contributors for their time and expertise. Their dedication is what makes the second issue of Epitome possible.

As always, we value your feedback. Please do not hesitate to reach out with your thoughts and suggestions.

Thank you for being a part of our Epitome community.

Warm regards,

**Razanawati Nordin**  
**Editor-in-Chief,**  
**The Epitome**

EDITOR'S NOTE

# Lamunanku Terhenti

**Dr. Mohd Izani Othman**

Fakulti Farmasi Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau

Pinang Kampus Bertam

mohdizani.othman@uitm.edu.my

Tiba-tiba hati terdetik dan teringat akan ibu dan ayah yang jauh di tanah air tercinta. Rasa rindu membuak-buak pada mereka – sudah agak lama tidak menatap wajah mereka melalui 'Skype' lantaran kesibukan diri ini. Apa khabar mereka ketika ini, agaknya? Teringat pula masakan ibu – roti canai, asam pedas, cencaru belah belakang dan sambal sardin. Eh, kecur air liur dibuatnya. Tempoh hari, ibu ada kirimkan lempuk durian. Alhamdulillah, lepas saringan pihak berkuasa di sini – dah selamat sampai pun ke rumah. Hujung minggu nanti, bolehlah dibuat serawa durian. Cadangnya nak ajak rakan-rakan yang sama-sama berkelana di bumi Kiwi untuk menikmatinya.

Ibu, ayah – Angah doakan agar sentiasa sihat dan berada dalam lindungan Ilahi hendaknya. Moga dipanjangkan umur dan dapat kita berjumpa nanti. Dah tak lama, sikit saja lagi nak siap tesis PhD ni – I'm coming home. Moga dimurahkan rezeki olehNya untuk bertemu muka, insyaAllah. Lumrah manusia, rindu bila berjauhan, bila dekat selalunya buat tak endah saja. Ingatan buat diri ini, selagi masih ada hayat kedua orang tua, berbuat baiklah kepada mereka. Berbaktilah kepada mereka semampunya walaupun mereka tidak meminta sebarang balasan kerana membesarkan kita sehinggalah berjaya dalam hidup ini. Jangan ditunggu hingga mereka menutup mata, dipanggil Ilahi baru kita hendak sedar. Hargailah, kasihilah dan sayangilah mereka semasa hayat dikandung badan.

Bagi yang tinggal berdekatan lebih mudah untuk bertanya khabar dan mengambil berat keperluan mereka. Bagi yang berjauhan, janganlah jarak dijadikan pemisah dan sempadan kasih sayang. Ingatlah pengorbanan mereka menjaga, mendidik dan mengasuh kita tidak akan terbalas selamanya. Jangan diandaikan sumbangan wang ringgit sudah memadai kerana ada kalanya bukan itu yang mereka dambakan daripada anak-anak. Bagi yang berpendapatan dan berkemampuan wang ringgit dan harta benda, jangan sekali-kali berkira dengan kedua ibu bapa. Hurlurkan sumbangan walau tidak diminta. Jangan hanya memikirkan dan mementingkan kehendak sendiri sahaja. Berapa lamakah lagi agaknya hayat mereka di muka bumi ini? Maka, berbaktilah kepada mereka sebaik-baiknya. Bahagiakanlah mereka. InsyaAllah, ada keberkatannya. Andaikata kita dijemput terlebih dahulu untuk bertemuNya, berlapang dadalah. Sesungguhnya tidak akan rugi sedikit pun amal bakti terhadap kedua ibu bapa. Semestinya akan diganjarinya sebaik-baiknya oleh Allah Maha Esa.

Itu imbauan aku suatu ketika dahulu. Ayahku juga telah dijemput menemui yang Ilahi beberapa tahun yang lalu. Saat pemergiannya di petang Jumaat itu, aku rasakan terlalu pantas. Kini, sering aku lihat sudut kesukaan ayah ketika mengikuti kuliah di masjid – kosong. Benar, rasa rindu itu ada kalanya tidak terbendung, tidak tertahan. Hanya ingatan dan doakan sahaja yang mampu aku titipkan. Moga diizinkanNya untuk kita berkumpul lagi di negeri abadi. Ketika ini, ibuku juga semakin kurang tenaganya, semakin hilang kudratnya. Moga Allah terus mengasihi ibuku sebagaimana dia mengasihi aku dan saudaraku yang lain ketika kami kecil dulu. Ya Allah, aku mohon keampunanMu. Justeru, moga firman Allah melalui sepotong ayat Al-Quran berikut dapat menjadi renungan kita bersama.

“Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada kedua orang tua dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah kamu membentak mereka, dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.” (Al-Israa: 23)





*The*  
**Epitome**  
*/I'pitəmi/*

Academy of Language Studies, UiTM Cawangan Kedah

eISSN 3009-0075



9 773009 007004